

## Internet

Melalui laman web Perpustakaan; <http://www.lib.usm.my> pada capaian 'Database', pengguna boleh mengakses pangkalan data-pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan. Sumber maklumat ini boleh memberikan maklumat dalam bentuk indeks, abstrak atau sehingga artikel penuh bagi sesuatu hasil penulisan. Pangkalan data yang boleh digunakan untuk subjek Kimia adalah: ProQuest, Science Direct, Springer Link, Engineering Village dan Inside Web.

Laman web Perpustakaan juga, melalui capaian 'Electronic journals' membolehkan pengguna mengakses beberapa jurnal elektronik sehingga isu-isu yang terkini. Semua jurnal ini memberikan artikel penuh.

Selain daripada dua capaian di atas laman web Perpustakaan menyediakan capaian:

- i) 'Malaysian Links' sebagai direktori kepada laman-laman web utama di Malaysia.
- ii) 'Reference Resources' memberikan capaian kepada laman web terpilih yang berbentuk rujukan seperti direktori, ensiklopedia dan kamus yang ada dalam Internet.
- iii) 'Virtual Subject Libraries' sebagai direktori mengikut subjek kepada pelbagai laman web yang berguna bagi tujuan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. Contohnya capaian kepada laman web berkenaan dengan sumber rujukan, persidangan, jurnal elektronik, persatuan dan berbagai sumber maklumat lain yang berkaitan dengan subjek Kimia.

- iv) 'Inhouse Resources' adalah beberapa pangkalan data yang dibina di Perpustakaan USM. Ia mengandungi capaian kepada senarai tesis yang ada di Perpustakaan, soalan-soalan peperiksaan USM dan juga bibliografi hasil-hasil penulisan kakitangan akademik dan pentadbiran USM.

### PENDIDIKAN PENGGUNA

Bagi mencapai tujuan perpustakaan untuk memastikan pengguna mempunyai kemahiran dalam mengakses maklumat di Perpustakaan, Bahagian Rujukan dan Maklumat telah menyediakan dua pendekatan dalam program pendidikan pengguna iaitu:


- a) **Sesi Latihan Kemahiran Pencarian Maklumat** yang dijalankan setiap hari Isnin hingga Jumaat (selama 1 jam bermula pada 9.30 pagi) untuk kumpulan kecil pengguna 1 - 15 orang.
- b) **Bengkel Pencarian Maklumat** untuk kumpulan yang lebih besar yang diadakan pada Sabtu terakhir setiap bulan mengikut permintaan khusus dari kumpulan dengan subjek tertentu ataupun dibuka kepada semua pengguna.

Maklumat lanjut berkenaan program pendidikan pengguna ini boleh didapati di Kaunter Perkhidmatan Bahagian Rujukan & Maklumat di tingkat 2, Perpustakaan Utama I.

Panduan Subjek, no. 2  
Bahagian Rujukan & Maklumat  
ARAY / November 2001

# PANDUAN SUBJEK

## KIMIA



PERPUSTAKAAN UTAMA  
KAMPUS INDUK  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
11800 USM  
PULAU PINANG

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PANDUAN SUBJEK KIMIA

Risalah ini bertujuan untuk membantu pengguna dalam mencari pelbagai sumber maklumat Kimia yang ada di Perpustakaan.

Semua bahan di Perpustakaan dikelaskan mengikut pengelasan Library of Congress dimana bagi subjek Kimia ia dikelaskan seperti berikut:

**Subclass QD**

QD1 - 999	Chemistry
QD1 - 65	General including Alchemy
QD71 - 142	Analytical chemistry
QD146 - 197	Inorganic chemistry
QD241 - 441	Organic chemistry
QD415 - 436	Biochemistry
QD450 - 801	Physical and theoretical chemistry
QD625 - 655	Radiation chemistry
QD701 - 731	Photochemistry
QD901 - 999	Crystallography
dan	
TP1 - 1185	Chemical technology

SUMBER MAKLUMAT BERCETAK

**Buku**

- a) Di kawasan Rak Terbuka di tingkat 1 untuk buku Bahasa Malaysia dan di tingkat 3 untuk buku Bahasa Inggeris.

- b) Di kawasan Koleksi Khas di tingkat 2 mengandungi buku dan artikel yang disyorkan oleh pensyarah untuk tugas dan kerja kursus. Koleksi ini merupakan satu koleksi pinjaman secara layan diri.
- c) Di kawasan rujukan tingkat 3 untuk sumber rujukan seperti kamus, ensiklopedia, direktori, manual dan sebagainya dengan simbol 'r' di nombor panggilan.

**Jurnal**

Jurnal adalah majalah akademik yang dilanggan oleh Perpustakaan. Ia adalah sumber maklumat utama yang digunakan untuk mengetahui perkembangan terkini tentang sesuatu bidang kajian.

- a) Jurnal terkini diletakkan di Bahagian Majalah Kini di tingkat 1.
- b) Jurnal tahun kebelakangan diletakkan di bahagian majalah berjilid di tingkat 3

**Indeks dan Abstrak**

Penggunaan indeks dan abstrak penting bagi memudahkan pencarian sumber bagi sesuatu hasil penulisan dalam jurnal dan juga bagi kertas persidangan dan paten.

Indeks dan abstrak bercetak diletakkan di rak khas di tingkat 3 dengan simbol 'a' di nombor panggilannya.

Contoh bagi indeks/abstrak bagi subjek Kimia adalah:

Chemical Abstracts QD1.A164 a

**Nota:**

Pencarian bahan di Perpustakaan dibuat dengan mendapatkan nombor panggilan menggunakan KRISALIS (katalog secara talian perpustakaan) melalui pencarian dengan nama pengarang, judul bahan ataupun subjek perkara. Walau bagaimanapun tajuk artikel dari jurnal tidak boleh dicari terus dari KRISALIS, pengguna perlu mendapatkan nombor panggilan bagi judul jurnal yang mengandungi artikel tersebut terlebih dahulu.

SUMBER MAKLUMAT  
ELEKTRONIK

**CD-ROM**

CD-ROM adalah satu lagi bentuk bahan rujukan yang mengandungi indeks dan abstrak untuk subjek tertentu.

Koleksi CD-ROM Perpustakaan USM yang dirangkaikan dikenali sebagai CD-NET dan boleh diakses seluas kampus melalui laman web Perpustakaan di URL

<http://www.lib.usm.my/database.html#CDNET>.

(Sila ikut arahan seperti yang dinyatakan untuk *install* 'plug-in' yang disediakan.)

CD-ROM yang berkaitan dengan subjek Kimia adalah:

- Life Sciences Collection (LSC)
- Food Science and Technology Abstracts (FSTA)
- Abstract in New Technologies and Engineering (ANTE)
- Dissertation Abstracts